

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HKN 204 Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Huraikan konsep wahdat al-wujud dan insan al-kamil yang dibicarakan di dalam karya Hamzah Fansuri. Dengan mengemukakan beberapa contoh tunjukkan bahawa kedua-dua konsep tersebut terus diperbincangkan di dalam kitab sastera Melayu bercorak Islam di Nusantara.
2. A. Teeuw mengatakan bahawa Amir Hamzah meneruskan tradisi Jalaluddin Rumi dan Ibn Arabi di dalam kesusasteraan Melayu. Sejauhmanakah anda mempersetujui kenyataan itu? Bagaimana anda menilai Amir Hamzah di dalam konteks kesusasteraan bercorak Islam di Nusantara?
3. Bincangkan tema utama Kitab Hikam Melayu. Bolehkah dianggap ini sebagai pengaruh Timur Tengah dan di manakah letaknya nilai kesusasteraan Melayu pada kitab tersebut?
4. Bincangkan konsep kosmologi Melayu seperti yang terdapat di dalam Hikayat Nur Muhammad dan Bab I Bustan al-Salatin.
5. Huraikan konsep sastera seperti yang wajar difahami di dalam konteks persuratan keagamaan Nusantara. Mengapa definisi dan ruang lingkup konsep tersebut berubah pada zaman moden?

6. Bincangkan kedudukan kesusasteraan bercorak Islam di Nusantara di dalam rangka kesusasteraan Melayu amnya. Nyatakan dengan alasan anda tentang perhatian yang diberikan oleh para sarjana dan ahli kritik terhadap sastera bercorak Islam itu. Berikan pendirian anda sama ada ia mendapat perhatian yang wajar ataupun sebaliknya.
  
7. Bincangkan konsep sejarah dan pensejarahan seperti yang terdapat di dalam kitab dan hikayat Melayu bercorak Islam. Bezakan konsep sejarah dan pensejarahan tersebut dengan konsep pensejarahan moden.

-oooOOOooo-